

Headline	Felo FRIM terima anugerah antarabangsa		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	304 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,063
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,189



Felo FRIM terima anugerah antarabangsa

FELO Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr Saw Leng Guan telah menerima anugerah Pingat Royal Botanic Garden Edinburgh (RBGE) yang berprestij pada 11 Julai lalu. Beliau menerimaannya atas kecemerlangan sebagai ahli taksonomi dan sumbangan dalam penyelidikan biodiversiti di negara ini serta perananannya dalam pemuliharaan selama lebih daripada 30 tahun.

Menurut kenyataan FRIM, Pengarah RBGE, Prof. Simon Milne yang menyampaikan pingat tersebut kepada Dr. Leng Guan pada majlis pembukaan Simposium Antarabangsa Flora Malesiana ke-10 di RBGE, Scotland berkata, anugerah tersebut sangat sesuai diberikan kerana beliau telah memberi inspirasi menerusi kepimpinan dan kepakarannya.

"RBGE merupakan sebuah institusi penyelidikan antarabangsa terkemuka yang menyampaikan pengetahuan, pendidikan dan pemuliharaan tumbuhan di seluruh dunia," kata kenyataan tersebut.

Pingat tersebut diamugerahkan sebagai



Antara penerima anugerah yang lain ialah Sir Timothy BartelSmit (2011), Prof. Dr Vernon Hilton Heywood (2013) dan Prof. Dr Peter Hamilton Raven (2015).

DR. SAW LENG GUAN

pengiktirafan sumbangan individu yang cemerlang dalam mana-mana bidang berkaitan dengan RBGE.

Pingat RBGE yang pertama dianugerahkan kepada Dr. Edward Edmund Kemp yang merupakan bekas Kurator RBGE dan Pakar Hortikultur Kanan Scotland pada Ogos 2010.

Kemp yang mula berkhidmat sebagai pelajar tukang kebun di RBGE pada 1932 menerima penghormatan ini beberapa hari selepas meraikan hari jadi beliau yang ke-100.

Beliau dihargai sebagai seorang yang telah memberikan sumbangan yang besar kepada bidang hortikultur di Scotland, terutama di RBGE.

BIODATA DR. SAW LENG GUAN

Asal : Taiping, Perak

Pendidikan :

- Ijazah Sains Perhutanan UPM 1981.
- Ijazah sarjana (*Pure and Applied Plant and Fungal Taxonomy*) University of Reading 1990.
- Ijazah Kedoktoran menerusi kajian bertajuk *The taxonomy and ecology of the genus Licuala (Palmae) in Malaya*, University of Reading
- Bersara sebagai Pengarah Bahagian Biodiversiti Hutan FRIM pada 2015.
- Dilantik sebagai Felo Penyelidik FRIM untuk menyelaras kumpulan monokotiledon bagi projek *Flora of Peninsular Malaysia*.
- Ahli botani yang mempunyai pengalaman selama 34 tahun dalam bidang taksonomi, ekologi tumbuhan dan pemuliharaan flora di Malaysia.
- Mula bertugas di FRIM pada 1982 sebagai Ahli Silvikultur Hutan Bukit dan seterusnya sebagai Ahli Botani Hutan sebelum dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Penyelidik Kanan pada 1990.
- Dilantik sebagai Pengarah Program Pusat Biodiversiti Hutan Tropikal FRIM pada 2004.
- Menerbitkan lebih 130 kertas kerja dalam jurnal, artikel dan bab-bab dalam buku serta menamakan 57 taxa tumbuhan baharu.
- Empat spesies tumbuhan telah dinamakan sempena nama beliau iaitu *Begonia lengguanii*, *Orchidantha lengguanii*, *Schizostachyum lengguanii* dan *Thrixspermum lengguanianum*.
- Berkhidmat sebagai ahli jawatankuasa peringkat kebangsaan dan antarabangsa; antaranya sebagai Panel Pakar Pelbagai Disiplin dalam *Intergovernmental Science Platform on Biodiversity and Ecosystem Services (IPBES)*; ahli lembaga *International Flora Malesiana Foundation* serta panel penasihat Sistem Pengurusan Penyelidikan Botani dan Herbarium (BRAHMS).
- Ahli lembaga pengarang bagi jurnal seperti *Kew Bulletin*; *Journal of Tropical Ecology*; *Pertanika Journal of Tropical Agriculture Science* dan *Blumea*.
- merupakan penerima Skim Biasiswa Chevening Suruhanjaya Tinggi British dan Anugerah Buku Negara 2012 bagi penerbitan *Wild Orchids of Peninsular Malaysia*.
- Saintis FRIM keempat dilantik sebagai felo Akademi Sains Malaysia (ASM) pada 2013.